

INDUSTRI HIBURAN DALAM ISLAM: ANALISIS DARI SUDUT PERSEJARAHAAN AWAL DAN PENILAIAN HUKUM

Abdullah Yusof

Abstract

This article in its first part surveys the existence of entertainments, i.e music, instruments, song and others in the early period of Islam especially during the reign of Umawiyah and 'Abbāsiyyah. It elaborates the involvement of some caliphs in supporting the activities of enjoyment and entertainment. As it is understood, music itself is allowed, however due to some occasions and situations, it might be prohibited (unlawful). The author analyses Muslim scholars' view on entertainment, music, song and singing as a part of human "enjoying".

Muqaddimah

Tulisan ini merupakan sebuah catatan berhubung kegiatan utama dalam industri hiburan yang melibatkan masyarakat Islam pada zaman kegemilangan Islam terutama di kalangan umara', di samping turut memuatkan analisis tentang penilaian hukum yang dikemukakan oleh para 'ulama. Di antara golongan yang mendapat sorotan dalam tulisan ini ialah *ahl al-Funūn*¹ yang merupakan golongan penggiat seni atau budayawan dan melibatkan diri dalam aktiviti kesenian atau kebudayaan yang memiliki ketinggian nilai dan keindahan. Elemen dalam kegiatan ini sering terpengaruh dengan nilai-nilai estetika atau resapan keindahan alam sekeliling. Dalam konteks bangsa Arab, penglibatan mereka menjurus kepada tiga aspek utama iaitu *ṭaswīr* (patung atau arca atau gambaran), syair dan muzik. Penelitian seni dan hiburan dalam tulisan ini terbatas dalam konteks perkembangan sejarah dan tamadun Islam, khususnya di kalangan masyarakat di mana terdapat kerajaan atau pemerintahan Islam.

Kegiatan Awal

Berdasarkan kisah yang dikutip dari al-Qur'an,² didapati Nabi Dāwūd dan anaknya Sulaymān 'a.s merupakan antara manusia awal yang menggunakan keindahan seni suara dengan iringan alat kecapi bagi merasakan keindahan alam sekeliling dengan mendendangkan puji-pujian kepada Allah swt secara merdu dan lantang. Sebagai seorang ahli seni dan muzik yang halus perasaannya, Nabi Dāwūd berjaya menyatukan dirinya dengan alam sekeliling untuk menggambarkan kebesaran dan keindahan (*jamāl*), kesempurnaan (*kamāl*) dan kemuliaan (*jalāl*) Tuhan.

Dalam sejarah tamadun Islam, seni patung pula bukanlah menjadi subjek penting kerana dari mulanya lagi terdapat pengharaman ke atasnya. Apa yang berlaku pada zaman Umayyah dan 'Abbāsiyyah merupakan kesinambungan dari patung (*taswīr*) Rome dan Parsi atau Turkistan. Industri patung berkembang pesat selepas Hulagu Khan menakluki Baghdad pada tahun 656H, di mana tentera-tentera yang didatangkan dari Monggol atau benua China merupakan perintis yang mempelopori industri tersebut di Baghdad. Selain patung dan arca, lukisan atau ilustrasi menghiasi buku-buku, pagar-pegar istana terutama di Parsi, Mesir, Turkistan dan lain-lain. Namun demikian, di segi tamadun Islam, industri tersebut tidak ditempatkan di mana-mana pasar atau bazar khas kerana orang-orang Islam terlalu sibuk dengan kejuruteraan lain seperti senibina, terutamanya di Andalus.

Para penggiat Syair dan muzik sebaliknya diberi tumpuan dan layanan istimewa bukan saja oleh para khalifah, bahkan boleh dikatakan oleh semua lapisan masyarakat dan mereka banyak menghabiskan wang untuk menyokong aktiviti kedua-dua golongan tadi. Justeru itu ramai tokoh-tokoh Islam dan 'ulama sepanjang zaman membuat penilaian dan mengemukakan pendapat masing-masing berhubung kegiatan ini yang bersandarkan sumber-sumber hadith.

Kegiatan Sebelum Kedatangan Islam

Nyanyian merupakan suatu perlakuan tabi'i di kalangan bangsa-bangsa yang wujud di dunia termasuk bangsa Arab kerana ia adalah bahasa jiwa dan terjemahan hati. Ia merupakan ungkapan bersajak (*puitis*) yang mempunyai irama dan lagu. Muzik pula adalah permainan perasaan yang diwujudkan oleh penghasilan bunyi dari sesuatu alat atau gabungan alat yang melahirkan nada dan rentak (*beat*). Bagi setiap bangsa, nyanyian berdasarkan tabiat dan adatnya serta mempunyai hubungan dan pertalian yang rapat dengan jiwa manusia. Suara pula adalah alat komunikasi. Dalam penampilan tertentu ia mempunyai nilai halus dan indah yang dapat mencuit perasaan, menggetarkan jiwa dan meninggalkan kesan-kesan efektif dan psikomotif, di samping kesan kognitif.³ Oleh kerana nyanyian dan muzik merupakan antara hasil perlakuan tabi'i, ia wajar dihadapi secara positif dan perlu didekatkan dengan arena kehidupan

Industri Hiburan Dalam Islam: Analisis Dari Sudut Persejarahan Awal dan Penilaian Hukum
spiritual dan budaya manusia. Rasulullah s. 'a.w pernah bersabda (maksudnya):

“*Sesungguhnya Allah itu indah. Dia sukakan keindahan.*”

Orang-orang Arab pada zaman Jahiliyyah adalah penduduk yang lazimnya berjalan kaki dan kehidupan mereka hampir dengan ternakan seperti kambing dan khemah. Selain syair, tiada sesuatu yang menonjol dari ciri-ciri keindahan dan kesenian di kalangan mereka. Mereka menggubah dan mengucapkan syair tanpa *tarnīm* dan muzik. Itulah langkah awal terhadap muzik kerana ia adalah dianggap anak atau saudara kepada syair. Kemudian lahir di kalangan mereka *al-Haddad* di pasar-pasar unta yang kemudiannya mereka menggunakan *tarnim*. *Tarnīm* terbahagi kepada dua jenis⁴ iaitu *al-Ghinā'* (*tarnīm* syair) dan kedua ialah *taghbīr* (*bi al-ghaniyy wa al-ba'*) iaitu *tarnīm* bacaan selain dari syair. Sebelum Islam, nyanyian berkembang di ibu-ibu negeri Arab seperti Madinah, Ṭā'if dan Khaybar.⁵

Antara alat-alat muzik yang popular di kalangan mereka ialah *al-Duff* iaitu berbentuk empat persegi samada kecil atau besar dan *al-mazmar* iaitu yang lebih banyak jenis-jenisnya. Mereka biasanya hanya mengenali *al-Duff*, *al-Mazmar* dan alat-alat bertuip manakala *al-Awtar* seperti *al-'Aydān* dan *al-Tanābir*⁶ (seperti biola kecil atau sitar) dan *al-Ma'āzif* serta seumpamanya. Instrumen-instrumen tersebut merupakan hasil buatan orang-orang Parsi dan Rom kerana orang-orang Arab sendiri tidak mengenalinya melainkan selepas kedatangan Islam.⁷

Kegiatan Semasa Islam

Selepas kedatangan Islam yang turut menguasai orang-orang Arab serta menaungi kekuasaan Ajam dan Rom terutama pada zaman Khulafā' al-Rāsyidīn, mereka sentiasa memberi tumpuan kepada agama Islam serta meninggalkan hal-hal yang dianggap sia-sia dan tidak memberi faedah kepada agama dan kehidupan termasuk juga amalan-amalan jahiliyyah. Galakan diberi untuk memperindah dan memperbetulkan bacaan al-Qur'an. Rasulullah s. 'a.w sendiri sewaktu mendengar Abū Mūsā al-Ash'arī membaca al-Qur'an dengan suara yang sangat merdu, lantas beliau berkata (maksudnya)⁸: “*Sesungguhnya engkau (wahai Abū Mūsā) telahpun dikurniai Allah suara mizmar keluarga Nabi Dāwūd*”. Selain itu mereka hanya memberi tumpuan kepada pembacaan dan *tarānum* syair-syair.

Setelah kemewahan melimpah pada zaman Umayyah dan selepasnya dan hasil kekayaan kian bertambah, termasuk di kalangan rakyat, mereka mula mengisi kehidupan dan masa lapang dengan nyanyian dan hiburan. Para penyanyi dari Rom dan Parsi didatangkan ke negara-negara Arab termasuk ke Hijāz. Golongan Mawālī Arab turut memainkan peranan membawa bersama mereka peralatan muzik seperti *al-'Aydān*, *al-Tanābir*, *al-Ma'āzif* dan *al-Mazāmir*. Mereka menyanyikan lagu-lagu dengan iringan alatan tadi sehingga memukaukan pendengar dengan persembahan

mereka. Para penyanyi terutama dari kalangan Mawālī sentiasa sibuk dan asyik mendengarkan syair-syair Arab berbanding menggunakan syair-syair Parsi dan Rom dalam ghazal mereka.

Di Madīnah sendiri pada zaman Umayyah, muncul sebuah kumpulan penyanyi yang terkenal. Orang yang paling masyhur membawa masuk dan memperkenalkan nyanyian Parsi ke dalam negara dan bangsa Arab ialah Sa'īd bin Mashaj, seorang penduduk Mekah berkulit hitam. Beliau dikatakan berada di Mekah sewaktu Mekah dikepung oleh golongan Umayyah. Sewaktu sekumpulan tentera Umayyah ingin melontarkan Ka'bah, Sa'īd telah memperdayakan mereka dengan memperdengarkan nyanyian dalam bahasa Parsi yang menakutkan mereka. Kesan dari pendedahan tersebut, ramai peminat atau penggemar seni kemudiannya pergi ke Syam dan Parsi untuk mempelajari seni nyanyian. Sejak itu nyanyian dalam kerajaan Islam bertambah meluas dan berkembang sehingga muncul kumpulan yang pakar dalam muzik yang seterusnya menguasai industri itu serta peralatan muzik dan instrumennya.

Nyanyian dan Agama

Pada zaman permulaan Islam, nyanyian dianggap makruh, kalau pun tidak haram. Orang ramai berselisih pendapat tentang pengharaman dan penghalalannya samada keseluruhannya ataupun sebahagiannya. Kebanyakan penduduk Hijāz mengharuskannya sedangkan penduduk 'Irāq memakruhkannya. Hujah orang yang mengharuskannya ialah bahawa ia asalnya adalah syair yang diperelekkkan oleh Nabi s. 'a.w dan sunat membacanya untuk menentang kaum musyrikin. Hujah orang yang mengharamkannya pula ialah bahawa nyanyian itu akan menyusahkan hati, mengacaukan fikiran dan keharmonian serta membangkitkan nafsu dan ia pada asalnya adalah batil.⁹

Berhubung hal ini al-Wālid bin Yazīd pernah berkata:

“Sesungguhnya nyanyian mengurangkan malu, menambahkan syahwat, meruntuhkan maruah, memberi kesan sepertimana juga arak kerana ia akan melakukan apa saja yang dilakukan oleh pemabuk. Kalau kamu melakukannya maka jauhilah perempuan kerana nyanyian akan mendorong kepada zina ”.

Sesetengah orang menghalalkan sebahagian nyanyian dan mengharamkan sebahagian yang lain, tetapi *Ahl al-Taqwā* memakruhkannya dalam semua keadaan. Justeru itu nyanyian tidak berkembang pesat melainkan selepas zaman Khufāfā' al-Rāsyidin.

Mu'āwiyah bin Abī Sufyān sendiri mencela orang-orang yang gemarkan nyanyian termasuk orang yang mendengar nyanyian, bahkan banyak menghabiskan wang untuk usaha celaan ini. Bagaimanapun selepas kematiannya, ahli-ahli hiburan

menghidupkan dan menyebarkan kembali nyanyian. Orang pertama yang mengharuskan dan merencanakan kembali nyanyian ialah Yazid bin Mu'awiyah (60-64H) dengan membenarkan kemunculan hiburan berbentuk nyanyian di Mekah yang menggunakan alat-alat muzik dan nyanyian bentuk baru ini turut berkembang di Hijaz terutama di Mādinah. Begitu juga pada zaman al-Wālid bin Yazid bin 'Abd al-Malik (125-126H), sebagai seorang pemabuk yang dahagakan hiburan telah mengarahkan utusannya ke Mādinah agar mendatangkan para penyanyi kepadanya di Damsyik. Beliau juga berusaha memperkembangkan nyanyian¹⁰ ke seluruh negeri Islam pada ketika itu.

Penentangan Khalifah Terhadap Nyanyian

Kebanyakan sejarawan Islam melaporkan bahawa kebanyakan khalifah dan *umarā'*¹¹ (para pemerintah) tidak berusaha menegah atau mencegah kegiatan nyanyian. Bagaimanapun *Ahl al-Taqwā* bertindak mencegahnya sehingga Amir¹² Mekah terpaksa mengusir para penyanyi dari Mekah kerana takutkan fitnah akibat nyanyian mereka. Sulayman bin 'Abd al-Mālik adalah termasuk orang yang membenci nyanyian dan bertindak keras setelah mendapati tenteranya menyanyi. Begitu juga sikap beberapa pembesar kerajaan dan pemerintah seperti Mu'awiyah, Hisyām, al-Manṣūr dan Abū Muslim serta *Ahl al-Taqwā* seperti 'Umar bin 'Abd al-Azīz serta al-Muhtadī dari kerajaan 'Abbāsiyyah.

'Umar bin 'Abd al-Azīz sewaktu menjadi khalifah pernah memecat qādī yang mengharuskan nyanyian. Al-Muhtadī juga sewaktu memerintah pada tahun 255H semasa hiburan sedang berkembang pesat ke seluruh negara memerintahkan agar ditegah nyanyian. Al-Ma'mūn pula setelah kembali dari Khurāsān, didapati selama 20 bulan sesudah itu tiada kedengaran nyanyian dalam negara. Begitu juga amir seperti Khālīd al-Quṣarī/Qiṣrā yang memerintahkan ketua polisinya menegah sebarang kegiatan nyanyian di 'Irāq.

Khalifah dan Aktiviti Nyanyian¹³

Manusia biasanya akan cenderung kepada *din'*¹⁴ raja-raja atau pemerintah mereka, lebih-lebih lagi pada hukum mutlak. Apabila khalifah sukakan nyanyian, maka pembesar dan orang ramai akan turut menyukainya. Setelah muncul ramai penyanyi lelaki dan wanita, maka sibuk pula para khalifah dan ahli keluarga mereka dengannya dan mempelajari cara memainkan peralatannya.

Orang yang mula-mula menghimpun dan menyusun alat-alat muzik ialah 'Umar bin 'Abd al-Azīz sewaktu menjadi gabenor di Hijāz, kemudian al-Wālid bin Yazīd, kemudian sejumlah khulafā' Banī 'Abbāsiyyah dengan bergiat untuk menghasilkan peralatan-peralatan seperti *al-Wathīq*, *al-Muntaṣir*, *al-Mu'taz*, *al-Mu'tamid* dan

Mu'tadid. Adapun anak-anak khalifah yang mula-mula terlibat dalam pembikinannya ialah Ibrahim bin al-Mahdi, Abū 'Isā bin al-Rashid, 'Abd Allah bin Mūsā al-Hādī, 'Abd Allah bin Muḥammad al-Amin, Abū 'Isā bin al-Mutawakkil, 'Abd Allah bin al-Mu'taz dan lain-lain.

Mereka turut membawa bersama mereka para penyanyi dan peralatannya dalam perjalanan atau pengembaraan sehinggakan ke medan-medan perang seperti yang didapati di kalangan tentera Banī 'Abbāsiyyah di Aṣḥān pada tahun 13H iaitu alat-alat muzik seperti *al-Barabit*, *al-Tanābir* dan *al-Mazāmir* yang tidak terhitung banyaknya.

Oleh kerana nyanyian mula menguasai kaum muslimin di negara atau wilayah Islam, maka mereka turut aktif memindahkan buku-buku muzik dalam Bahasa Parsi dan Bahasa Hindi serta membuat penterjemahan dengan memberi peruntukan yang besar terhadap usaha-usaha tersebut.¹⁵

Penghibur Wanita Pada Zaman Umayyah

Para wanita dikatakan mula mengubah tabiat mereka pada zaman Umayyah disebabkan para khalifah sendiri banyak menghabiskan wang dan membazir untuk keseronokan, nyanyian dan mabuk. Percampuran lelaki dan perempuan berleluasa, seolah-olah kembali kepada zaman Jahiliyyah. Pemujaan wanita (*tashbib*)¹⁶ juga menjadi-jadi terutama pada zaman Umayyah di Madīnah setelah tersebar aktiviti nyanyian dan penerimaan penduduknya terhadap amalan bersukaria sambil minum dan berhibur. Walaupun pemerintah adakalanya melarang, tetapi para wanita sendiri berbangga apabila para penyair memuji-muji kecantikan mereka. Para khalifah mengambil tindakan tegas seperti yang dilakukan oleh Sulaymān bin 'Abd al-Mālik dengan memerintahkan mereka ditangkap, dibunuh dan disebat, kemudiannya dicampak ke jalan. Namun demikian, Khalifah Hārūn al-Rashid kemudiannya mengharuskan perkara ini.¹⁷

Anugerah dan Kurniaan Kepada Penyair dan Penyanyi

Pada zaman Umayyah, para penggiat seni termasuk penyair, penyanyi dan pemuzik mendapat ganjaran yang besar. Dalam sejarah pemerintahan kerajaan Islam, orang yang mula-mula sekali memberi kurniaan kepada penyair ialah al-Wālid bin Yazid. Nilai atau kadar yang diberikan adalah berdasarkan bilangan *bayt* (rangkap) syair iaitu seribu dirham bagi setiap *bayt*. Pada zaman 'Abbāsiyyah, nilainya bertambah kerana setiap qasidah yang memuji khalifah diberi 100,000 dirham seperti yang diperolehi oleh Marwān bin Abī Hafsah yang kemudiannya mengambil tidak kurang sejuta dirham sedangkan kebiasaannya beliau menerima 100,000 dirham sahaja. Antara khalifah yang turut memberi kurniaan ialah seperti al-Ma'mūn, al-Rashid, al-Mahdi,

Industri Hiburan Dalam Islam: Analisis Dari Sudut Persejarah Awal dan Penilaian Hukum
al-Mutawakkil, al-Mu'tasim dan Yazid bin 'Abd al-Malik.¹⁸

Selain penyair, kurniaan dan anugerah juga diberikan kepada para penyanyi seperti Khalifah al-Mahdi telah memberi kepada Damhān untuk persembahan satu malam sebanyak 50,000 dinar. Khalifah al-Amin pula memberi kepada penyanyinya, Ishāq al-Muṣallī sejuta dirham kerana telah mendendangkan kepadanya puji-pujian.¹⁹

Pesta Mabuk dan Arak

Hiburan, muzik, perempuan dan arak seolah-olah tidak dapat dipisahkan. Ramai sejarawan Islam merekodkan dalam tulisan mereka berhubung sebahagian khalifah Bani Umayyah meminum arak seperti Yazid bin Mu'awiyah, 'Abd al-Malik bin Marwān, Yazid bin 'Abd al-Malik dan al-Wālid bin Yazid. Justeru itu ramai penyair mereka menggambarkan kelazatan dan keseronokan meminum arak dan ia dighazalkan menerusi syair-syair. Walau bagaimanapun terdapat khalifah yang menegahnya seperti 'Umar bin Abd al-'Aziz dan al-Muhtadi dari Bani 'Abbāsiyyah. Perkembangan minuman arak ini sejajar dengan perkembangan nyanyian dan hiburan sehinggakan arak diminum secara terang-terangan. Sebahagian fuqaha' dan ahli agama mempertikaikan tentang air perahan *zabib* walaupun mereka bersepakat tentang pengharaman *khamr*. Penduduk Iraq menghalalkan air perahan *zabib* manakala penduduk Hijaz mengharamkannya. *Nabidh* diperbuat dari campuran beberapa jenis air buah-buahan seperti anggur, tamar, epal dan lain-lain seperti '*aṣīr*' (perahan anggur). Sebahagian mereka menghalalkan sedikit *khamr* dan mengharamkan meminum banyak dan yang lain-lain menghalalkannya melainkan jika membawa kepada mabuk, namun majoriti menghukum haram baik sedikit mahupun banyak.

Justeru itulah para khalifah yang sering mabuk di kebanyakan majlis telah menghalalkan *nabidh*, bahkan sering menganjurkan majlis minum yang diadakan biasanya sempena majlis nyanyian. Tokoh kerajaan 'Abbāsiyyah yang banyak terlibat ialah seperti al-Hādī, al-Rashīd, al-Amin, al-Ma'mūn, al-Mu'tasim, al-Wathiq dan al-Mutawakkil sedangkan tidak pada al-Manṣūr dan al-Muhtadi.²⁰

Al-Tahattuk²¹

Salah satu bentuk hiburan yang melanda masyarakat Islam ialah fenomena tertarik dengan kecomelan budak-budak lelaki remaja. Kecintaan dan keseronokan kepada *ghilman* atau budak lelaki di kalangan orang ramai berleluasa terutama di Mesir sehinggakan situasi ini telah dighazalkan oleh para penyair. Terdapat juga para wanita yang cuba menyerupai atau menampilkan diri sebagai *ghilman* terutama di segi pakaian dan solekan demi memikat kaum lelaki. Terdapat banyak hadith yang mengutuk dan melaknat orang laki-laki yang menyerupai orang perempuan dan sebaliknya. Al-Syeikh Ibn Hajar menyebut dalam kitabnya *al-Zawājir* bahawa

perbuatan seumpama itu adalah termasuk dosa besar, namun tidak berdosa sekiranya ia dilakukan oleh pelakon kanak-kanak yang belum baligh.²²

Majlis Nyanyian

Para khalifah memberi kedudukan istimewa kepada golongan penyanyi dengan diberi gaji sepertimana juga para penyair serta diadakan pengawal atau pengiring sewaktu persembahan diadakan. Persembahan juga diadakan semasa aktiviti memburu²³ dan lain-lain dengan diberikan anugerah dan kurniaan tambahan. Antara khalifah Umayyah yang dianggap kemaruk ialah Yazīd bin ‘Abd al-Malik dan anaknya al-Wālid bin Yazīd. Di kalangan khalifah ‘Abbāsiyyah ialah al-Mahdī, al-Rashīd, al-Amīn, al-Ma’mūn, al-Wathīq dan al-Mutawakkil. Namun demikian apabila urusan kerajaan tergugat dan bimbangkan keruntuhannya, mereka mula menjauhkan diri daripada penyanyi buat sementara.

Para penyanyi atau biduan agung diberi kedudukan yang sangat tinggi seperti Ibrāhīm al-Muṣallī dan anaknya Iṣḥāq termasuk juga Ibn Jāmi’. Ibrāhīm adalah penyanyi resmi kepada khalifah al-Amīn yang sering melagukan syair-syair ciptaan Abū Nuwās. Di Andalus, penyanyi terkenal ialah ‘Alī bin Nāfi’, yang dikenali sebagai seorang biduan yang kayaraya dengan memiliki seramai 200 *ghulam* (budak lelaki), wang 30 ribu dinar, tidak termasuk kuda dan lain-lain harta.²⁴

Para Pelawak dan Badut

Majlis nyanyian biasanya turut diserikan dengan persembahan para pelawak dan badut. Antara pelawak yang terkenal pada zaman Bani ‘Abbāsiyyah ialah Abū al-Ḥasan al-Khalī’ al-Dimasyqī yang bergiat pada zaman al-Rashīd dan Abū al-‘Ibr yang popular pada zaman al-Mutawakkil serta ramai lagi. Para pelawak dan badut ini akan mengenakan kostum yang boleh menggelikan hati penonton dan terdapat unsur-unsur humor (kelakar) dalam persembahan mereka. Mereka menunjukkan aksi dengan melompat-lompat bagaikan seekor beruang atau monyet sambil menggantungkan di leher mereka dengan takar (genta) dan loceng yang menggelikan hati para hadirin. Selain al-Mutawakkil, al-Amīn dan al-Wālid, Ibn Yazīd juga turut menggalakkan kegiatan serupa ini.²⁵ Memandangkan ramai khalifah hidup dalam keseronokan dan kelazatan dunia, Jurjī Zaydān turut menyindir bahawa kebanyakan mereka ditakdirkan mati dalam usia muda sekitar 30 hingga 50 tahun.

Aktiviti Rekreasi

Selain dari nyanyian dan muzik terdapat juga hiburan lain yang lebih bercorak permainan atau rekreasi. Sebahagiannya sudahpun popular pada zaman Jahiliyyah lagi seperti memburu dan berlumba dan sebahagiannya diambil dari permainan orang asing

(*'ajam*) seperti bola (bola dilambung ke udara, kemudiannya dikejar oleh penunggang kuda untuk menangkapnya), *bunduq* (seperti permainan dart hari ini) dan lain-lain.²⁶ Sasaran perburuan mereka bukan saja burung dan haiwan di darat seperti jengking, kala, biawak, bahkan khinzir dan binatang buas yang lain semata-mata untuk keseronokan. Khalifah Yazīd bin Mu'awiyah umpamanya semasa perburuan sentiasa ditemani oleh sekumpulan kera²⁷ peliharaannya. Begitu juga anjing-anjing perburuan mereka dipakaikan seluar yang diperbuat daripada benang emas dan setiap ekor anjing dijaga oleh seorang khadam khas.²⁸ Para pembesar 'Abbāsiyyah juga sangat gemar memburu biawak dan khinzir berbanding haiwan liar lain, terutamanya Khalifah al-Mahdī dan al-Rashīd serta anaknya Ṣālih yang gemar memburu khinzir²⁹ dan seorang lagi anaknya yang gemar memburu biawak.³⁰

Aktiviti lain yang popular ialah perlumbaan haiwan seperti perlumbaan kuda.³¹ Hishām bin 'Abd al-Malik dilaporkan memiliki sebanyak 4 ribu ekor kuda termasuk kuda juaranya bernama al-Za'id yang terkenal. Begitu juga al-Walid bin Yazid memiliki seribu kuda lumba.³² Kegemaran lain mereka ialah seperti membela singa, gajah dan harimau yang melambangkan kehebatan dan simbol keagungan kerajaan. Antara khalifah yang mempelopori kegiatan membela haiwan liar dan ganas ini ialah al-Manṣūr dan al-Rashīd.³³ Begitu juga dalam tempoh perburuan mereka membawa kumpulan penyanyi serta peralatan muzik bersama seperti disebutkan terdahulu. Justeru aktiviti memburu menjadi suatu bentuk hiburan yang popular, maka lahirlah karya-karya berhubung seni perburuan dan kaedahnyā.³⁴

Pandangan 'Ulama Berhubung Nyanyian dan Muzik³⁵

Menyanyi ertinya mengangkat suara dengan rangkap syair. Dalam sejarah peradaban Islam, nyanyian sebagai suatu media hiburan digunakan dalam dua keadaan:³⁶

1) Sewaktu melakukan sesuatu pekerjaan berat atau dalam perjalanan jauh atau untuk mententeramkan anak-anak kecil atau oleh anak-anak perempuan yang bermain dengan anak-anak patung. Dalam keadaan ini ia diharuskan bahkan sunat kalau ia membawa kepada kecergasan seperti dalam pelayaran untuk mengerjakan Haji atau ke medan perang. Contohnya ialah sewaktu Nabi Muhammad s. 'a.w dan para sahabat berlagu dan berdendang ketika mendirikan masjid Nabawī di Madīnah dan ketika menggali parit dalam Perang Khandaq.³⁷ Berhubung hal ini Ibn 'Abd al-Barr, seorang 'ulama besar Mazhab Mālikī mengatakan ia adalah harus tanpa khilāf.

2) Nyanyian oleh tukang-tukang nyanyi yang mahir mengenai seni nyanyi dengan lagu-lagu merdu berirama yang boleh membangkitkan perasaan dan meriangkan jiwa. Di sini terdapat khilaf iaitu :

- Haram menurut al-Qurtubī (Mālikī) dan Abū Ḥanīfah dan satu *qawl* (pendapat) dari al-Shāfi'ī dan satu *qawl* dari Ibn Ḥanbal.

- Makruh menurut al-Shāfi'i dan Ibn Ḥanbal. Nyanyian oleh perempuan asing walaupun tanpa menimbulkan fitnah adalah juga sangat makruh dan kalau ada fitnah (seperti cinta berahi) adalah haram tanpa khilāf. Begitu juga oleh budak lelaki lawa (*ghilmān*).
- Harus nyanyian berirama merdu menurut ahli bid'ah dan bukan ahli ijihad dalam syarak.
- Haram kalau banyak menyanyi seperti mana menurut pensyarah kitab *al-Minhāj* oleh al-Nawawī.
- Haram menyanyi dan mendengar nyanyian melainkan di dalam rumah yang tiada orang lain (bukan mahram) sepertimana pendapat al-Imām al-Baghawī.
- Haram sekiranya nyanyian oleh perempuan untuk lelaki dan sebaliknya atau disertakan dengan minuman memabukkan atau memperbanyakkan nyanyian atau sentiasa menyanyi. Demikian menurut al-Imām al-Halīmī, seorang 'ulama besar dalam Mazhab Shāfi'i.
- Makruh kalau ada niat tidak baik dan tidak makruh kalau tiada niat tidak baik sepertimana pendapat al-Khawārizmī dalam kitabnya *al-Kāfi*.
- Harus menyanyi dan mendengar nyanyian kalau aman (terselamat) dari perkara cuai hal-hal fardu dalam agama dan nyanyian hendaklah oleh lelaki atau mahram bagi lelaki dan tidak didengarkan di jalan raya, juga tidak disertai dengan perkara makruh sepertimana pendapat ramai 'ulama.
- Haram menyanyi sekiranya ia diupah sepertimana pendapat Abū Manṣūr menurut satu nas dari al-Imām al-Shāfi'i.

Peralatan muzik yang sering digunakan biasanya terdiri dari jenis *ma'āzif* (alat bunyian seperti gendang dan kompang), *mazāmir* (alat bertiup seperti seruling dan flute) dan *awtār* (alat bertali seperti sitar dan gambus). Berhubung hukum penggunaan peralatan ini, dikemukakan beberapa nas dari sumber al-hadith dan pendapat beberapa tokoh Islam seperti:

- i) Daripada Ibn 'Abbās r. 'a. bahawa Rasulullah s. 'a.w. bersabda (maksudnya):

Al-Kubah adalah haram, al-dann adalah haram, ma'āzif (alat bunyian) adalah haram dan mazāmir (alat tiupan) juga haram.

- ii) Sahl bin Sa'd, daripada Rasulullah s. 'a.w berkata (maksudnya):

Akan berlaku pada umat kita ini sedutan bumi, ditukar menjadi monyet (ada ahli tasawwuf nampak orang-orang fasiq berupa monyet dan babi) dan lontaran azab. Bila berlaku perkara ini Ya

Rasulullah? Apabila nyata terang-terang wujud penyanyi-penyanyi wanita dan terang wujud alat-alat bunyian dan orang-orang yang menghalalkan arak.

iii) Nyanyian tanpa diiringi peralatan muzik.

Terdapat dua pendapat masyhur iaitu Mazhab Shāfi'i mengatakan makruh menyanyi dan mendengar nyanyian melainkan yang menggerakkan kepada keadaan yang baik dan boleh mengingatkan akhirat, bahkan yang ini adalah sunat. Al-Māwardī dan al-Adhra'i al-Shāfi'i pula berpendapat bahawa syair dalam bahasa Arab adalah sunat kalau mengajak ke arah menjauhi angkara dunia atau menyeru kepada akhirat ataupun mengajak kepada berperangai baik. Ia adalah harus sekiranya tiada kata-kata lucu atau kata-kata jahat dan bohong. Jika tidak ia adalah haram.

iv) Nyanyian disertai tarian atau rebana atau seruling atau alatan bertali (*string*).

Al-Imam 'Izz al-Dīn bin 'Abd al-Salām setelah ditanya berhubung nyanyian sambil menari menjawab: "Adapun menari itu perkara bid'ah dalam Islam dan tidak dikerjakan menari itu melainkan oleh orang kurang akal dan tiadalah munasabah melainkan bagi perempuan". Menurut Ibn Hajar, nyanyian yang sekiranya terdahulu disifatkan harus dan makruh kalau disertakan dengan perkara haram maka nyanyian itu menjadi haram seperti bercampur gaul lelaki dengan perempuan atau mendedahkan aurat atau tarian yang ada lentang-lentuk dan lenggang-lengguh seperti kelakuan dan gerak geri *mukhannath* yakni pondan.

Begitu juga kalau tarian yang tiada lentang-lentuk maka ia adalah makruh. Kalau ada lenggang-lengguh dan lentang-lentuk maka haram samada dari lelaki mahupun perempuan sepertimana pendapat Imām al-Rāfi'i. Perkara makruh yang bercampur dengan haram ia tetap jadi haram. Abū 'Amr bin al-Ṣalāh berpendapat bahawa rebana yang halal bercampur dengan seruling yang haram, maka ia jadi haram.

Mengenai semata-mata tarian tanpa nyanyian, kalau ada lentang-lentuk dan lenggang-lengguh maka ia haram samada dari lelaki atau perempuan. Kalau tiada demikian maka ia adalah makruh sepertimana pendapat Imām al-Rāfi'i. Al-Ghazālī dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* telah membayangkan bahawa *khilāf* 'ulama berhubung hal ini berlaku sekiranya tarian berlaku dengan suka hati atau kehendak sendiri. Sekiranya berlaku seperti tanpa disedari maka ia tidak haram atau makruh secara *ittifaq* 'ulama (kesepakatan 'ulama). Walau bagaimanapun tarian hendaklah tidak disertai alat bunyian atau tiada nyanyian, kalau tidak ia tetap haram.

Sesetengah 'ulama besar Shāfi'iyyah yang digelar *Aṣḥābunā* berkata bahawa kalau seseorang memperbanyakkan tarian maka adalah haram dan jika tiada maka tidak haram. Begitu juga tidak mengapa kalau berlaku gerak badan seperti memegang tombak atau perisai dalam sesi latihan menggunakan senjata dan latihan perang

laksana gerak geri orang gagah yang tidak disertai dengan nyanyian.

v) Melagukan syair dalam masjid.

Imām al-Nawawī dalam *Sharḥ al-Muhadhdhab* berkata:

“Tiada mengapa melagukan syair dalam masjid bila ia dalam perkara kebajikan, kalau tidak makruh kerana Nabi s. ‘a.w menegah melagukan syair dalam masjid kalau ia mencerca orang, menyebut perempuan atau budak lelaki atau memuji orang zalim atau bermegah dengan perkara yang dilarang oleh syarak. Bahkan ia haram kalau begitu”.

Jelaslah di sini bahawa terdapat hadith-hadith Nabi s. ‘a.w berhubung celaan terhadap alat-alat bunyian dan mengharamkannya. Nyanyian tanpa alat bunyian adalah makruh dengan syarat-syarat tertentu. Begitu juga penggunaan peralatan muzik. Bagaimanapun terdapat *khilāf* (perselisihan atau perbezaan pendapat) berhubung nyanyian berlagu (merdu) walaupun tanpa alat muzik. Imām al-Shāfi‘ī juga menegaskan bahawa tidak sah menjual dan membeli alat-alat bunyian. Mengenai tarian pula ia hanya haram sekiranya ada lentang lentuk dan lenggang lengguk.

Kitab-Kitab Yang Mengharamkan Alat Bunyian

a) Kitab-Kitab Mazhab Shāfi‘ī

- i- Imām al-Nawawī, *Minḥāj al-Ṭālibīn* dalam kitab *al-Bay‘* dan kitab *al-Shahādāt*.
- ii- Imām al-Nawawī, *Rawḍah al-Ṭālibīn* dalam kitab *al-Shahādāt*.
- iii- Ibn Ḥajar, *al-Zawājir ‘an Iqtirāf al-Kabā’ir*, cet. ke 2, Pustaka al-Ḥalabi, hlm. 446-451.
- iv- Al-Imām Taqī al-Dīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Ḥusaynī al-Ḥisnī, *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥall Ghāyah al-Ikhtisār*.
- v- Syeikh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī, *Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*.
- vi- Al-Imām al-Syeikh Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma’rifat Ma’ānī Alfāz al-Minḥāj* dalam kitab *al-Shahādāt*.
- vii- Al-Imām al-Syeikh Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb, *al-Iqnā‘ fī Ḥall Alfāz Abī Syūjā‘*.
- viii- Al-Imām al-Syeikh Abū Ishāq Ibrāhīm al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*.
- ix- Syeikh al-Islām Ibrāhīm al-Bayjūrī, *Hāshiah al-Bayjūrī*.
- x- ‘Allāmah al-Syeikh Sulāyman al-Bujayrimī, *Hāshiah al-Bujayrimī ‘alā al-Iqnā‘*.

- xi- Al-Imām Jalāl al-Dīn al-Maḥallī, *Sharḥ al-Maḥallī ‘alā al-Minhāj*
- xii- Al-Imām Jalāl al-Dīn, *Ḥāshiah al-Qalyūbī wa ‘Umayrah ‘alā Sharḥ al-Maḥallī.*
- xiii- Al-Imām Ibn Ḥajar, *Sharḥ al-Irshād li Ibn al-Maqrī al-Yamanī.*
- xiv- Al-Imām Ibn Ḥajar, *Tuhfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj.*
- xv- Al-Imām Syeikh Yūsūf al-Ardabili, *al-Anwār li A’ māl al-Abrār.*
- xvi- Al-Imām Shams al-Dīn Muḥammad al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj.*
- xvii- Al-‘Allāmah al-Syeikh Muḥammad bin Ismā’il Dāwūd al-Fatānī, *Maṭla‘ al-Badrayn wa Majma’ al-Bahrayn.*

b) Kitab-Kitab Dalam Empat Mazhab

- i- Ibn Quḍāmah al-Ḥanbalī, *Kitāb al-Mughnī.*
- ii- Al-‘Allāmah al-Syeikh ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah.*
- iii- Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh.*
- iv- Al-‘Allāmah al-Muhaddith Abū al-Fayḍ Aḥmad bin al-Ṣiddīq al-Ghimārī, *Kitāb Iqāmah al-Dālil ‘alā Ḥurmah al-Tamthil.*

Kitab-Kitab Yang Mengharuskan Nyanyian dan Bunyian

- i- Al-‘Allāmah Syeikh ‘Abd al-Ghanī al-Nabulūsī, *Īḍāḥ al-Dilālāt fī Simā’ al-Ālāt.*
- ii- Ibn Ḥajar, *Kaff al-Righā’.*
- iii- Syeikh Maḥmūd Shaltūt, *Al-Fatāwā Dirāsah li Mushkilāt al-Muslim al-Mu’āsir fī Ḥayātih al-Yawmiyyah wa al-‘Āmmah.*
- iv- Dr. Aḥmad al-Sharbashī al-Azhari, *Yas’alūnaka fī al-dīn wa al-Ḥayāt.*

Imām al-Ghazali³⁸ pula mengemukakan beberapa pendapat ‘ulama berhubung keharusan dan pengharaman mendengar nyanyian dan muzik. Beliau mengutip pendapat al-Ṭabarī yang bersandarkan pendapat Imām al-Shāfi’i, Imām Mālik, Imām Abū Ḥanīfah, Sufyān al-Thawrī dan lain-lain yang mengharamkannya. Namun demikian beliau telah menggariskan beberapa kategori lagu-lagu yang disifatkan sebagai harus mendengarnya, termasuk:

- Lagu yang membangkitkan kerinduan untuk menziarahi tempat-tempat suci seperti Mekah dan Madīnah.
- Lagu yang memberi motivasi untuk berjuang mempertahankan aqidah dan tanahair.

- Lagu yang menonjolkan kecekalan dalam pertarungan.
- Lagu yang membayangkan nostalgia masa lampau yang memberi kesan positif terhadap perubahan sikap individu.
- Lagu yang menekankan perihal keagungan sifat-sifat Tuhan, memuji serta mentahmidkan kebesarannya.

Begitu juga al-Shāfi'ī dalam *Kitāb Adab al-Qadā'* mengatakan bahawa nyanyian adalah makruh serta melalaikan dan sesiapa yang gemar mendengar nyanyian disifatkan sebagai seorang *safīh* yang ditolak kesaksiannya. Ini termasuk tuan kepada hamba abdi wanita yang menyuruh abadinya menyanyi di khalayak ramai. Selain itu beliau memakruhkan penggunaan seruling kerana dianggap perbuatan kaum *zindiq*. Qādī Abū al-Ṭayyib bagaimanapun menyatakan tidak harus mendengar nyanyian kalau dari wanita yang bukan mahram.³⁹

Imām Mālik, Abū Ḥanīfah dan beberapa 'ulama Kufah seperti Sulaymān al-Thawrī, Ḥammād dan Ibrāhīm al-Sha'bi mengatakan bahawa mendengar nyanyian adalah suatu dosa meskipun dari seorang abdi wanita.⁴⁰ Pendapat Ibn Taymiyyah agak jelas berhubung hal ini kerana beliau cuba membezakan antara mendengar nyanyian dan muzik yang bermanfaat pada agama dan antara apa yang diberi pengecualian untuk mengelakkan dosa. Tegasnya, nyanyian harus berupaya memperbaiki hati dan menyucikan jiwa, bahkan mendengar ayat-ayat Allah dan lagu-lagu tasbih diberi ganjaran pahala yang besar.⁴¹

Namun demikian terdapat 'ulama lain yang mengharuskan nyanyian dan muzik seperti kenyataan Abū Ṭālib al-Makkī berdasarkan riwayat 'Abd Allāh bin Ja'far, 'Abd Allāh bin al-Zubayr, al-Mughīrah bin Shu'bah, Mu'āwiyah dan ramai lagi para *salaf salih* yang terdiri dari para sahabat dan tabi'in yang mengharuskannya, bahkan sehingga hari ini penduduk Hijaz (Mekah dan Madīnah) masih mendengarnya terutamanya pada hari-hari mulia seperti hari-hari tashriq. Ini berdasarkan Rasulullah s. 'a. w yang pernah membenarkan beberapa jenis hiburan pada majlis perkahwinan serta memberi kebenaran kepada para wanita memukul kompang dalam majlis keramaian seumpama itu termasuk pada hari raya.⁴²

Bagi mengukuhkan pendapat ini dikemukakan sebuah hadith berhubung keharusan nyanyian yang diiringi rebana dan muzik ringan. Hadith tersebut (maksudnya):

“Dari 'Ā'ishah bahawa Abū Bakar r. 'a memasuki rumahnya dan didapati di situ dua orang abdi wanita sedang memukul rebana. Pada waktu itu Nabi s. 'a. w sedang berselimut dengan kain. Lantas Abū Bakar memarahi wanita-wanita tersebut. Kemudian Rasulullah membuka selimut pada bahagian mukanya dan

*Industri Hiburan Dalam Islam: Analisis Dari Sudut Persejaraan Awal dan Penilaian Hukum bersabda: Biarkanlah mereka itu wahai Abū Bakar. Sekarang adalah hari raya”.*⁴³

Sandiwara, Lakonan, Wayang dan Tayangan Filem Lakonan

Para ‘ulama sependapat bahawa aksi-aksi lakonan akan menjadi haram sekiranya para pelakon melakonkan watak-watak ‘ulama Islam atau ahli ilmuwan Islam dengan cara yang salah, hodoh dan menampakkan kebodohan atau dengan keadaan mengejek-ejek serta mempersendakan mereka kerana penampilan watak sebegitu akan menghina dan merendahkan keperibadian ‘ulama sebenar. Apatah lagi sekiranya penonton ketawa melihat gelagat pelakon yang memalukan itu. Imam Ahmad bin Hanbal umpamanya telah mengkufurkan sesiapa yang menggelar serban orang alim dengan lafaz *tasghīr* (memperkecil-kecilkan) yang bertujuan untuk menghina.⁴⁴ Selain itu ramai orang Islam akan terpengaruh dengan penampilan pelakon yang biasanya meniru budaya dari Barat yang kerap memasukkan unsur-unsur lucah yang sekaligus mempersendakan Islam dan umatnya.

Tanpa pengawalan yang teliti, lakonan boleh mendatangkan bahaya, merosakkan akhlak anak-anak muda baik lelaki mahupun perempuan; di samping mendorong mereka kepada aktiviti sosial yang penuh tipu daya. Seringkali mereka meniru aksi pelakon untuk menjalankan kegiatan mencuri, merompak, merogol, menggunakan senjata api, hidup dalam dunia khayal, mabuk dan sebagainya. Lakonan dan filem yang menampilkan wanita yang menjolok mata dalam keadaan yang mengghairahkan, mempamerkan cara-cara pujuk rayu teruna dan dara, bercumbu mesra, adegan ranjang, pergaulan bebas dan sebagainya akan menjatuhkan maruah walaupun sekadar lakonan. Ia akan menjadi ikutan generasi muda yang terus ingin mencuba atau sekurang-kurangnya berangan-angan untuk berbuat demikian.

Begitu juga penonjolan watak dengan aksi yang berani, ganas, seram dan keterlaluan akan mudah meresap ke dalam jiwa anak-anak muda dan sekiranya mereka meniru aksi pelakon pujaan mereka, pasti kadar jenayah akan meningkat dari masa ke semasa.

Dr. ‘Abd al-Azīz al-Khayyāṭ⁴⁵ menegaskan bahawa penentuan samada lakonan itu harus atau tidak terhenti di atas tujuan atau maksud lakonan tersebut diadakan. Beliau mengemukakan hadith (maksudnya):

“Sesungguhnya setiap perbuatan itu bergantung kepada niat.”

Antara nas al-Qur’an yang menjadi hujah beliau ialah firman Allah s.w.t (maksudnya):⁴⁶

“Sesungguhnya pada cerita-cerita mereka terdapat ibarat (pengajaran) bagi orang-orang yang mempunyai akal.”

Allah juga berfirman (maksudnya):⁴⁷

“Maka hendaklah kamu menceritakan cerita-cerita (kisah-kisah) mudah-mudahan mereka akan memikirkannya.”

Dalil-dalil tersebut menunjukkan adanya keharusan pada lakonan yang bertujuan memberi iktibar dan pengajaran kepada orang ramai agar mereka mendapat manfaat. Walau bagaimanapun keharusan tersebut tidak mutlak sifatnya, bahkan beliau telah meletakkan beberapa garisan atau syarat berhubung dengan lakonan iaitu⁴⁸:

- Tidak boleh menampilkan perbuatan yang berlawanan dengan larangan dan perintah Allah.
- Tiada percampuran bebas antara lelaki dan perempuan.
- Pelakon tidak mengganggu atau menyerang betul-betul pelakon lain yang boleh membawa kesusahan atau mudarat menurut Islam.
- Lakonan tidak boleh menakutkan, mengerikan atau memeranjatkan orang.
- Hendaklah dihindari risiko kecelakaan tanpa apa-apa perlindungan.
- Menjauhi dari bersumpah selain dari Allah.
- Tidak melakonkan watak para nabi dan rasul.

Sehubungan dengan itu sebahagian ‘ulama mengatakan harus melakonkan watak para sahabat Nabi s.‘a.w dan pendapat ini sejajar dengan fatwa yang dikeluarkan oleh al-‘Allāmah Rashīd Riḍā kerana mereka bukanlah ma‘ṣūm (terhindar dari dosa) sepertimana para nabi dan rasul sekalipun kita menghormati mereka.

Mengenai lakonan berunsur humor dan komedi atau kelakar yang bertujuan agar penonton ketawa dengan membawa cerita-cerita palsu dan bohong atau senda gurau yang keterlaluan, terdapat hadith-hadith yang menolak atau menggugurkan kesaksian mereka pada pandangan syarak seperti tidak layak menjadi saksi nikah kerana seorang pelawak yang mereka-reka cerita dianggap berbohong dan tidak bermaruah.⁴⁹ Namun demikian, sekiranya lakonan dibuat dan dipersembahkan berdasarkan cerita sebenar yang betul-betul berlaku dan bertujuan untuk memberi iktibar kepada orang ramai, ia adalah harus dengan syarat tidak keterlaluan dari sudut akhlak Islam.

Penutup

Muzik dan hiburan dalam Islam pada asalnya adalah halal kerana ia merupakan suatu keperluan tabi’i manusia sebagai makhluk ciptaan Allah. Meskipun demikian sesuatu yang halal seperti hiburan tidak mutlak sifatnya, bergantung kepada ciri, tujuan, kaedah, keperluan dan syarat-syarat lain yang mendasarinya. Justeru itulah hiburan dan muzik boleh menjadi suatu alat yang sering disalahgunakan untuk merosakkan.

Aristotle, seorang ahli falsafah Yunani berpendapat bahawa muzik mempunyai pengaruh yang sangat kuat sehingga beliau mencadangkan supaya muzik untuk peringkat remaja perlu dikawal oleh undang-undang. Vladin Lenin, bapa Revolusi Rusia pula pernah menegaskan bahawa salah satu cara untuk memusnahkan masyarakat ialah melalui muzik.⁵⁰

Ini amat relevan pada hari ini kerana kumpulan-kumpulan muzik yang popular di seluruh dunia mempunyai *message* (hasutan) sulit bagi remaja di seluruh dunia untuk keluar dari sekolah, membebaskan diri dari kongkongan akhlak dan mencuba pengambilan dadah. Termasuk juga lirik-lirik muzik '*heavy metal*' yang sedang popular adalah lebih hebat dari segi menggalakkan keganasan dan keangkuhan kerana liriknya bercorak seks serta menggalakkan penggunaan dadah, pembunuhan diri, jenayah dan pemujaan syaitan.

Muzik jarang sekali bersifat berkecuali (*neutral*). Ia merupakan satu alat yang bertenaga untuk membangkitkan emosi, motivasi untuk mencapai kebaikan, patriotisme, menanamkan darjat moral yang tinggi, kejujuran, dedikasi, kematangan, ketahanan menghadapi kesusahan, keazaman untuk kejayaan dan ke arah kebahagiaan hidup. Justeru itu muzik boleh memberi kesan yang kuat untuk kebaikan atau keburukan lantaran rentak dan harmoninya boleh meresap ke dalam jiwa manusia dan memberi kesan yang kuat kepada semangat individu.⁵¹

Kebimbangan ini turut disuarakan oleh seorang penyelidik Barat, Dr. Howard Hauson yang juga bekas pengarah Sekolah Muzik Eastman di Universiti Rochester. Katanya:⁵²

“Muzik boleh menyegarkan, meninggikan hemah atau mencarutkan, boleh berfalsafah atau menganjur sukaria hingga melampaui batas. Ia berpengaruh untuk kebaikan dan keburukan. Muzik telah digunakan oleh kuasa wang untuk mengindoktrinasikan muda mudi abad ini kepada cara hidup yang karut dan bersukaria yang melampaui batas. Ia merosakkan kebolehan kaum muda-mudi untuk berehat, berfikir, belajar atau berusaha untuk beribadah dalam sebarang bentuk kepada Tuhan. Muzik sebenarnya menyediakan muda-mudi untuk melakukan rusuhan, membantah dan memberontak.”

Justeru itu kita perlu berhati-hati memilih nyanyian dan muzik yang sesuai dan tidak keterlaluan yang boleh merosakkan diri dan agama. Sebahagian 'ulama mengambil jalan sederhana dengan mengatakan lagu-lagu dakwah dan nasyid atau sebahagian syair yang berunsur agama dan nasihat harus didengarkan walaupun terdapat iringan muzik bertali (*awtar* atau *string*) seperti biola dan seumpamanya. Pahala bagi aktiviti berunsur amar makruf adalah besar berbanding dengan maksiat biola⁵³ itu sendiri yang terdapat khilaf 'ulama padanya. Oleh kerana muzik dan

hiburan bukanlah keperluan asasi manusia, maka tahap keterlaluan atau keghairahan yang melampau dalam aktiviti ini mungkin boleh menjemuruskan manusia ke arah kehancuran dan inilah sebenarnya yang dibimbangi oleh Islam dan para 'ulama.

Jelaslah dari sudut Islam, nyanyian dan suara berirama menerusi mulut atau lidah manusia atau rentak irama dari alat bunyian adalah harus selagi tidak keterlaluan di segi gerak geri, penampilan atau kata-kata, apatah lagi yang boleh membangkitkan nafsu berahi. Pencipta atau penggerak kesenian sepatutnya membantu masyarakat dari sudut emosi, moral dan material untuk keperluan bersama manusia. Oleh kerana hasil ciptaan yang tidak indah, tidak baik, tidak suci dan tidak berguna bukanlah seni menurut pengertian Islam, maka pemaparan yang indah mesti dibuat berasaskan nilai syarak, etika dan norma masyarakat. Jika tidak nilai seni tersebut akan terjejas dan manusia tidak mendapat apa-apa kebaikan daripadanya. Apatah lagi apabila ia tercabar dengan kemasukan nilai-nilai dari Barat yang lazimnya jauh menyimpang dari nilai syarak.

Nota Hujung

1. Kata jamak dari kalimah *al-fann* (art atau seni).
2. Lihat al-Qur'an, Surah Saba' : 10-14.
3. Lihat Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsuddin, *Konsep Seni Dalam Islam*, Siri Dokumentasi Akademi Pengajian Melayu, Bil. 7, 1992, hlm. 13.
4. Jurjī Zaydān, *Tārīkh al-Tamaddun al-Islāmī*, V, hlm. 39.
5. Ibn 'Abd Rabbih, *al-'Iqd al-Farīd*, III, hlm. 186.
6. Kata jamak dari kalimah *tanbur*.
7. Jurjī Zaydān, *op.cit.*, hlm. 40.
8. Lihat al-Bukhārī, *Faḍā'il al-Qur'ān*, hlm. 31-34; Muslim, *Musāfirīn*, hlm. 235; al-Tirmidhī, *Manāqib*, hlm. 55; al-Nasā'ī, *Iftitāh*, hlm. 63; Ibn Mājah, *Iqāmah*, hlm. 176; al-Darīmī, *Ṣalāh*, hlm. 171; Ibn Ḥanbal, *Musnad*, II, hlm. 450; cf. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī*, x, (Cairo, 1956), hlm. 470.
9. Ibn 'Abd Rabbih, *op.cit.* hlm. 178.
10. Al-Mas'ūdī, *Murūj al-Dhahab*, II, hlm. 68.
11. Kata jamak (ramai) dari kalimah amīr yang bermaksud ketua atau pemerintah.
12. Ketua, penguasa atau wakil khalifah.
13. Lihat Jurjī Zaydān, *op.cit.* hlm. 49.
14. Bermaksud di sini, ketaatan atau patuh atau kebiasaan, kelaziman atau selera.
15. Lihat Jurjī Zaydān, *Ibid*, III, hlm. 44 untuk keterangan lanjut.
16. Lihat *Ibid*, hlm. 74.

17. *Ibid*, hlm. 75-76.
18. *Ibid*, hlm. 142.
19. *Ibid*, hlm. 143.
20. Mengenai kegiatan majlis arak dan memabukkan serta dihukum halal oleh khalifah sila lihat *Ibid*, hlm. 143-144.
21. Untuk keterangan lanjut lihat *Ibid*, hlm. 146. Namun demikian tulisan ini tidak bermaksud mendedahkan kegiatan homoseks di kalangan orang ramai sepertimana berlaku pada umat zaman Nabi Lūṭ ‘a.s
22. Lihat *Risalah* Bil. (34) dlm. MKB/6/1982 (Siri: 34/90) Edaran Pejabat Mufti Negara Brunei Darussalam, 13 Muharram 1411/4 Ogos 1990, hlm. 47.
23. Kegiatan memburu tersebut bukan untuk tujuan resreasi bahkan untuk keseronokan (*malāhī*).
24. Lihat *Ibid*, hlm. 164. Juga al-Aghānī, I, hlm. 132; Ibn ‘Abd Rabbih, *al-‘Iqd al-Farīd*, (al-Qāhīrah, 1948-1955), III, hlm. 195; Ibn Ḥazm, *Tawq al-Hamāmah*, hlm. 108; Farmar, *Tārīkh al-Mūsīqī al-‘Arabiyyah*, terj. Husayn Nassar, Qahirah, 1957; Ibn al-Athīr, *Usd al-Ghābah*, VIII, hlm. 61; al-Mas’ūdī, *Murūj al-Dhahab*, II, hlm. 126 dan lain-lain.
25. Untuk keterangan lanjut lihat al-Aghānī, XX, hlm. 92 dan VI, hlm. 203.
26. Lihat al-Mas’ūdī, *Murūj al-Dhahab*, III, hlm. 365; al-Aghānī, XXX, hlm. 93; Ibn al-Athīr, *Usd al-Ghābah*, III, hlm. 90.
27. Lihat tentang pakaian dan perhiasan yang dikenakan pada kera kesayangannya bernama Abū Qays sepertimana disebut oleh al-Mas’ūdī, *op.cit.*, II, hlm. 68.
28. Ibn al-Taqtaqī, *al-Fakhri*, hlm. 49.
29. Dimaksudkan di sini ialah khinzir liar yang merbahaya dan ganas. Lihat al-Aghānī, IX, hlm. 97 dan diyakini khinzir ini bukan untuk dimakan, bahkan sekadar suka-suka untuk tujuan rekreasi dan mencabar keperkasaan lelaki.
30. Al-Mas’ūdī, *op.cit.*, II, hlm. 213.
31. *Ibid*, hlm. 380.
32. *Ibid*, hlm. 129 dan 135.
33. Ibn ‘Abd Rabbih, *al-‘Iqd al-Farīd*, I, hlm. 150. Salah seorang isteri al-Rashīd iaitu Umm Ja’far dikatakan memiliki seekor kera yang dijaga oleh tiga orang khadam dan diberi persalinan seperti manusia serta dilengkapi dengan pedang, lihat Ibn Asfandiyar, *Ṭabristān*, hlm. 45.
34. Lihat catatan yang dibuat oleh Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A’yān*, II, hlm. 235 dan I, hlm. 423.
35. Lihat selanjutnya dalam *Risalah*, Bil. (34) dlm. MKB/6/1982 (Siri: 34/90) Edaran

- Pejabat Mufti Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 13 Muharram 1411/4 Ogos 1990 (tidak diterbitkan).
36. Lihat al-Imām al-Adhrā'ī al-Shāfi'ī, *al-Tawassuṭ* dan al-Imām al-Qurtubī al-Mālikī, *Sharḥ Muslim* berhubung sejarah nyanyian dalam Islam dan hukumnya.
 37. Hadith riwayat Anas bin Mālik mengenai Nabi s. 'a.w mendendangkan syair semasa menggali parit dalam Perang Khandaq yang kemudiannya disahut oleh kaum Ansar dan Muhajirin secara beramai-ramai. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, I, hlm. 126.
 38. Lihat al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, II, (Dimashq, t.t.), hlm. 237-238; cf. Ibn Abī al-Dunyā, *Dhamm al-Malāhī*, hlm. 3-4.
 39. Lihat *Ibid*, hlm. 3-4 sepertimana dipetik oleh Dr. Engku Ibrahim Ismail, *op.cit.*, hlm. 19.
 40. *Ibid*, hlm. 19.
 41. Lihat al-Qur'an, 39: 17-18.
 42. Lihat Dr. Engku Ibrahim. *op.cit.*, hlm. 7-8.
 43. Lihat al-Suyūṭī, *al-Jāmi' al-Ṣaḡhīr*, hlm. 769; Ibn Ḥanbal, *al-Musnad*, II, hlm. 163; al-Baḡhdādī, *Tārīkh*, x, hlm. 273; cf. Ibn Abī al-Dunyā, *op.cit.*, hlm. 31-34.
 44. Lihat huraian dalam *Risalah*, *op.cit.*, hlm. 27 dst.
 45. Lihat perbincangan beliau dalam Majlis Fiqh Islam cawangan Pertubuhan Islam OIC di Jeddah, Arab Saudi sepertimana ulasannya dibuat oleh Akhbar Rābitah al-'Ālam al-Islāmī (Muslim World News), Makkah, Bil. 1169, Isnin, 4 Dhu al-Qa'idah 1410H/28 Mei 1990, hlm. 6.
 46. al-Qur'an, Surah Yūsuf : 111.
 47. al-Qur'an, Surah al-A'raf: 176.
 48. Ini adalah pendapat al-'Allāmah Rashīd Riḍā yang kemudiannya diulas oleh Dr. 'Abd al-'Azīz al-Khayyāṭ (bekas Menteri Waqaf Jordan) dalam tulisannya, lihat *Risalah Fatwa Kerajaan Brunei*, *op.cit.*, hlm. 37-39.
 49. Lihat *Ibid*, hlm. 39.
 50. Lihat Sulaiman Nordin, *Muzik Rock dan Nilai Moralnya*, Pusat Pengajian Umum UKM, 1993, hlm. xi (prakata).
 51. Aristotle berpendapat pelbagai emosi boleh dihasilkan melalui melodi dan irama dan muzik boleh membentuk perangai dan watak individu. Lihat I.P. Palvo, *Conditioned Reflexes*, Dover Edition, 1960, hlm. 395; juga *op.cit.*, hlm. 2 & 4.
 52. Sepertimana diulas oleh Sulaiman Nordin, *op.cit.*, hlm. 5 yang memetik dari I.P. Parlo, *Conditioned Reflexes and Psychiatry*, hlm. 64 & 105, juga *op.cit.*, Dover Edition, 1960, hlm. 288.
 53. *Risalah*, *op.cit.*, hlm. 48.